


10 HARI 8 MALAM XINJIANG SCENIC JOURNEY – URUMQI, BURQIN, HEMU, JIADENGYU, KANAS, KUITUN, SAYRAM LAKE, YINING & TURPAN DENGAN 3x HIGH SPEED TRAIN (NO SHOPPING STOP!)

Xinjiang Scenic Journey

URUMQI, BURQIN, HEMU, JIADENGYU, KANAS, KUITUN, SAYRAM LAKE, YINING & TURPAN

[DOWNLOAD PDF ITINERARY](#)

Pakej 10 Hari 8 Malam ini membawa anda menikmati gabungan keindahan alpine Northern Xinjiang, landskap gurun luas serta sejarah Silk Road yang cukup unik di barat laut China. Perjalanan merangkumi lawatan ke Urumqi, Burqin, Hemu, Kanas, Yining dan Turpan yang terkenal dengan gabungan tasik alpine, perkampungan tradisional, padang rumput luas serta suasana oasis gurun yang memukau. Selain itu, perjalanan turut melalui laluan overland scenic Xinjiang termasuk Gurun Junggar, Sayram Lake dan Guozigou Valley, sambil menikmati pengalaman budaya masyarakat tempatan serta suasana Muslim community yang masih kuat di wilayah Xinjiang.



MAKLUMAT HARGA:

TARIKH	MUSIM	HARGA SEORANG (RM)						SAIZ KUMPULAN (MIN)
		SPECIAL! EARLY BIRD	BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2026								
20/10 - 29/10	Autumn	8,990	9,290	1,800	9,290	9,090	8,990	15- 20
2027								
24/3 - 2/4	Spring	8,990	9,290	1,800	9,290	9,090	8,990	15-20
14/4 - 23/4	Spring	8,990	9,290	1,800	9,290	9,090	8,990	
11/5 - 20/5	Spring	8,990	9,290	1,800	9,290	9,090	8,990	
Surcharge RM300/ seorang untuk saiz kumpulan 10 - 14 pax								
DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / DISKAUN LOYALTY - RM100/PAX					DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM100/PAX			

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan pergi & balik kelas ekonomi
 Penginapan hotel bertaraf tourist class
 Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
 High Speed Train Ticket (Yining – Urumqi) (Urumqi – Turpan – Urumqi)
 Tiket masuk ke tempat lawatan seperti yang dinyatakan dalam aturcara.
 Shuttle bus di Kanas Lake & Urho Ghost City Sightseeing Train
 Sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam seperti dalam aturcara.
 Perkhidmatan pemandu pelancong yang profesional.
 Bas luggage porter dari Yining ke Urumqi
 Air minuman setiap hari
 Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas
 Diringi oleh Tour Leader dari Malaysia

PAKEJ TAK TERMASUK:

Etiqa Takaful Insurance RM70 seorang / 10 hari (Pelan Gold – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcaj)
 Lawatan dan makan selain dari dalam aturcara.
 Perkara lain yang tidak termasuk dalam aturcara.

* Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.

ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR - URUMQI

Perjalanan dimulakan dengan penerbangan menuju ke Urumqi, ibu kota Xinjiang yang terletak jauh di barat laut China dan terkenal sebagai pintu masuk utama ke Northern Xinjiang serta laluan Silk Road moden yang menghubungkan budaya Asia Tengah dan China sejak ratusan tahun dahulu.

Setibanya di Urumqi, akan dijemput oleh wakil tempatan sebelum dibawa menuju ke hotel untuk berehat selepas perjalanan panjang. Suasana bandar Urumqi yang moden namun masih dipengaruhi elemen budaya Silk Road memberi permulaan yang cukup berbeza untuk perjalanan ini.

Bermalam di Urumqi.

HARI 2: URUMQI – BURQIN (SP/MT)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan menuju ke Burqin melalui laluan ikonik Kurban Tonggut Desert Highway yang merentasi kawasan Gurun Junggar di Northern Xinjiang.

Hari ini merupakan permulaan sebenar pengalaman overland Xinjiang apabila mula menikmati pemandangan gurun luas, jalan lurus tanpa penghujung dan suasana frontier yang sangat berbeza daripada bandar-bandar utama China yang biasa dikenali ramai.

Di pertengahan perjalanan, singgah di kawasan Wulungu Lake yang memberi kontras menarik antara tasik dan landskap semi-gurun di sekitarnya sebelum meneruskan perjalanan menuju ke Burqin.

Setibanya di Burqin, lawatan diteruskan ke Rainbow Beach (Wucaitan), kawasan terkenal dengan formasi batuan berwarna-warni yang terbentuk secara semula jadi di tebing Sungai Irtysh. Ketika cahaya petang mula menyentuh kawasan ini, keseluruhan landskap kelihatan berubah warna dan memberi suasana yang cukup dramatik.

Pada waktu malam, berpeluang menikmati suasana sekitar Halal Fish BBQ Night Market yang cukup terkenal di Burqin sambil merasai kehidupan bandar kecil Xinjiang yang masih tenang dan santai.

Bermalam di Burqin.

Seasonal Notes:

- *Autumn departures may enjoy golden desert tones and cooler crisp weather across the Junggar Basin.*
- *Spring departures offer clearer skies and refreshing overland scenery after winter season.*

HARI 3: BURQIN – HEMU – JIADENGYU (SP/MT/MM)

Pagi ini, perjalanan diteruskan menuju ke Hemu Village, sebuah perkampungan tradisional masyarakat Tuva yang sering dianggap antara kampung paling cantik di China.

Laluan menuju ke Hemu sendiri sudah cukup memukau dengan pemandangan hutan, sungai dan lembah luas yang berubah perlahan-lahan mengikut musim perjalanan.

Setibanya di Hemu, nikmati suasana sekitar kampung yang dipenuhi rumah kayu tradisional, sungai jernih dan udara gunung yang nyaman. Kehidupan masyarakat tempatan di sini masih mengekalkan gaya hidup yang sederhana dan dekat dengan alam semula jadi.

Turut berpeluang menikmati suasana sekitar Hemu River dan kawasan lembah yang terbentang luas di kaki pergunungan Northern Xinjiang. Bagi yang ingin merasai pengalaman lebih unik, optional horseback riding turut disediakan di kawasan sekitar kampung.

Gabungan suasana alpine village, hutan dan sungai menjadikan Hemu antara lokasi yang paling memberi “cinematic feeling” sepanjang perjalanan Xinjiang Scenic Journey ini.

Selepas selesai menikmati suasana Hemu, perjalanan diteruskan menuju ke Jiadengyu untuk bermalam berhampiran kawasan scenic Kanas.

Bermalam di Jiadengyu.

Seasonal Notes:

- *Autumn is especially famous for its golden forests, colourful wooden villages and misty morning atmosphere around Hemu.*
- *During Spring, the valley gradually transforms with fresh greenery, flowing rivers and cooler mountain air.*

HARI 4: JIADENGYU – KANAS – BURQIN (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, lawatan diteruskan menuju ke Kanas Scenic Area yang terkenal sebagai antara kawasan alpine paling indah di China.

Setibanya di scenic area, menaiki shuttle bus menuju ke Fish Pavilion viewpoint untuk menikmati panorama keseluruhan Kanas Lake yang dikelilingi gunung dan hutan alpine yang luas terbentang.

Lawatan diteruskan ke Fairy Bay, Moon Bay dan Crouching Dragon Bay yang masing-masing menawarkan pemandangan sungai kehijauan, hutan pine dan suasana semula jadi yang sangat tenang.

Kemuncak lawatan hari ini tentunya Kanas Lake sendiri, sebuah tasik alpine yang terkenal dengan airnya yang jernih kebiruan serta pantulan gunung dan hutan di sekelilingnya. Suasana di kawasan ini sering berubah mengikut cahaya dan musim, menjadikan setiap waktu mempunyai mood dan pemandangan yang berbeza.

Selepas selesai menikmati kawasan Kanas, perjalanan kembali menuju ke Burqin sambil menikmati sekali lagi pemandangan scenic Northern Xinjiang sepanjang perjalanan.

Bermalam di Burqin.

Seasonal Notes:

- *Autumn offers colourful alpine forests surrounding Kanas Lake, often considered the most photogenic season in Northern Xinjiang.*
- *Spring brings fresh alpine scenery with melting snow peaks, greener valleys and calmer travelling atmosphere.*

HARI 5: BURQIN – URHO GHOST CITY – KUITUN (SP/MT/MM)

Hari ini mula meninggalkan kawasan alpine Northern Xinjiang dan bergerak menuju ke kawasan gurun serta dataran luas di bahagian barat wilayah ini.

Sepanjang perjalanan, dapat melihat bagaimana landskap Xinjiang berubah perlahan-lahan daripada kawasan hutan dan lembah kepada suasana gurun terbuka yang luas dan dramatik.

Setibanya di Urho Ghost City, lawatan diteruskan dengan menaiki excursion sightseeing train untuk menerokai kawasan yardang landform yang terbentuk hasil hakisan angin selama berjuta tahun.

Kawasan ini terkenal dengan formasi batuan unik yang muncul seolah-olah kota purba di tengah gurun luas. Ketika angin mula bertiup di antara batuan ini, suasananya terasa cukup surreal dan berbeza daripada mana-mana lokasi lain sepanjang perjalanan.

Perjalanan diteruskan menuju ke Kuitun sambil menikmati pemandangan oil field dan dataran luas yang menjadi sebahagian daripada pembangunan moden Xinjiang hari ini.

Bermalam di Kuitun.

HARI 6: KUITUN – SAYRAM LAKE – GRASSLAND - YINING (SP/MT/MM)

Hari ini merupakan antara hari paling scenic sepanjang Xinjiang Scenic Journey bersama MyZarra Signature.

Perjalanan diteruskan menuju ke Sayram Lake yang terkenal dengan gabungan tasik alpine biru, padang rumput luas dan gunung bersalji di kejauhan.

Sepanjang perjalanan di sekitar tasik, berhenti di beberapa viewpoint terbaik untuk menikmati pemandangan Sayram Lake yang sering berubah mengikut cuaca dan musim perjalanan.

Perjalanan kemudian diteruskan melalui Guozigou Valley yang terkenal dengan lembah hijau, jalan berkelok dan jambatan ikonik Guozigou Bridge yang merentasi kawasan Ili Valley.

Semakin menghampiri Yining, suasana Northern Xinjiang mula berubah menjadi kawasan grassland dan lembah luas yang sangat tenang serta sering dikaitkan dengan suasana "Swiss-style scenery" di bahagian barat China.

Turut berpeluang singgah di kawasan sekitar masjid tempatan di Yining untuk photo stop sambil menikmati suasana komuniti Muslim di bandar ini.

Bermalam di Yining.

Seasonal Notes:

- *Autumn departures may enjoy golden grasslands and clearer mountain visibility around Ili Valley.*
- *Spring departures offer greener meadows, blooming wild landscapes and refreshing alpine scenery around Sayram Lake.*

HARI 7: YINING - URUMQI (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan dengan menaiki bullet train menuju kembali ke Urumqi sambil menikmati pemandangan Xinjiang dari tren berkelajuan tinggi yang selesa.

Perjalanan ini memberi suasana yang cukup berbeza selepas beberapa hari menikmati overland journey merentasi kawasan alpine dan gurun Northern Xinjiang.

Setibanya di Urumqi, lawatan diteruskan ke Erdaoqiao International Grand Bazaar yang terkenal sebagai antara bazaar terbesar di Xinjiang dan cukup sinonim dengan budaya Silk Road moden.

Kawasan ini dipenuhi pelbagai kedai, rempah, makanan tempatan dan seni bina yang dipengaruhi budaya Asia Tengah. Suasana petang di sekitar bazaar memberi peluang menikmati sisi Xinjiang yang lebih urban tetapi masih kuat dengan identiti budaya tempatan.

Turut berpeluang singgah di kawasan sekitar Erdaoqiao Mosque untuk photo stop sebelum menikmati masa santai di sekitar halal food street dan bazaar.

Bermalam di Urumqi.

HARI 8: URUMQI - TURPAN DAY TRIP - URUMQI (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan dengan menaiki train menuju ke Turpan, sebuah bandar oasis purba yang terkenal sebagai antara persinggahan penting di laluan Silk Road sejak ratusan tahun dahulu.

Berbeza dengan kawasan alpine Northern Xinjiang yang dinikmati sebelum ini, Turpan menawarkan suasana oasis gurun yang lebih kering, hangat dan penuh dengan sejarah Silk Road.

Lawatan dimulakan ke Karez Irrigation System, sistem pengairan bawah tanah tradisional yang menjadi sumber utama kehidupan masyarakat oasis di kawasan gurun Xinjiang selama berabad lamanya.

Lawatan kemudian diteruskan ke Emin Minaret yang terkenal dengan seni bina berinspirasi Asia Tengah serta kompleks masjid bersejarah yang menjadi antara simbol budaya Muslim di Turpan.

Seterusnya menuju ke Flaming Mountains yang terkenal dengan landskap berbukit kemerahan serta dikaitkan dengan kisah legenda Journey to the West dan sejarah Silk Road.

Gabungan sejarah, budaya dan suasana oasis menjadikan Turpan memberi penutup perjalanan yang cukup berbeza sebelum kembali semula ke Urumqi pada sebelah petang.

Bermalam di Urumqi.

Seasonal Notes:

- *Turpan generally experiences drier and warmer weather compared to Northern Xinjiang throughout both travel seasons.*
- *Autumn weather is usually pleasant for sightseeing, while Spring offers milder temperatures across the oasis region.*

HARI 9: URUMQI - KUALA LUMPUR (SP)

Selepas sarapan pagi, daftar keluar hotel sebelum dibawa ke lapangan terbang bagi penerbangan pulang ke Kuala Lumpur.

Maka berakhirlah Xinjiang Scenic Journey bersama MyZarra Signature yang membawa pengalaman menikmati gabungan alpine lake, forest village, grassland valley, desert highway dan sentuhan sejarah Silk Road di bumi Xinjiang yang begitu luas dan indah.

HARI 10: TIBA DI MALAYSIA

Tiba di Malaysia dengan kenangan indah. Alhamdulillah.

PENGINAPAN:

BANDAR	HOTEL
Urumqi	JiangLan Pagoda Hotel atau setara
Burqin	Shangshi Hotel atau setara
Jiadengyu	SenHai Hotel atau setara
Kuitun	XiGeMa Hotel atau setara
Yining	BinLvKunLun Hotel atau setara

Jadual perjalanan ini disediakan sebagai panduan dan tertakluk kepada perubahan mengikut keadaan semasa.

Tertakluk kepada terma & syarat.

MAKLUMAT PENERBANGAN : AIR ASIA X (D7)

CZ 8072 KULCAN 0220 0635

CZ 6900 CANURC 0905 1405

CZ 6883 URCCAN 1245 1805

CZ 5035 CANKUL 2015 0015+1